

Mutiara's Delight

Ahli kongsi:

Helina Yasmín Mohd Kauf	96289174
Noni Maïden	96812014
Normala Mohd Dimyati	96702542
Norshazzira Shamsuz Zaman	96749349

Diploma Perakaunan

26 September 1998

ISI KANDUNGAN

Tajuk	i
Sekapur Sirih	ii
Logo Syarikat	iii
Keterangan Logo	iv
Sinopsis	1
Pengenalan	2
Tujuan Rancangan Perniagaan	3
Latar Belakang Perniagaan	5
Latar Belakang Pemilik	9
Latar Belakang Projek Cadangan	11

Rancangan Pentadbiran

• Pengenalan Organisasi	12
• Carta Organisasi	14
• Tenaga Pekerja	15
• Spesifikasi Tugas	16
• Imbuhan Balas Jasa	19
• Insentif Pekerja	20
• Keperluan Pejabat	22
• Susun Atur Ruag Pejabat	23
• Perbelanjaan Pentadbiran	24

Rancangan Pemasaran

• Analisis Pasaran	25
• Sasaran Pasaran	26
• Saiz Pasaran	26
• Pesaing-pesaing Utama	27
• Ramalan Jualan	29
• Keistimewaan Mutiara's Delight	32

- Strategi Pemasaran 33
- Perbelanjaan Pemasaran 39

Rancangan Operasi

- Pengenalan 40
- Carta Aliran Proses 41
- Kaedah Pemerosesan 45
- Keperluan Bahan 46
- Tenaga Pekerja 48
- Senarai Mesin dan Peralatan Dapur 49
- Senarai Perabot dan Kelengkapan Restoran 50
- Susun Atur Ruang Operasi 51
- Overhead Operasi 53
- Perbelanjaan Operasi 54

Rancangan Kewangan

- Pengenalan 55
- Kos Perlaksanaan Projek 56
- Sumber Pembiayaan Projek 57
- Jadual Bayaran Balik Pinjaman 58
- Jadual Bayaran Ansuran Sewa Beli 59
- Jadual Susut Nilai Aset Tetap 60
- Proforma Penyata Aliran Tunai 67
- Proforma Penyata Untung dan Rugi 69
- Proforma Kunci Kira-Kira 70

Lampiran

Sinopsis

Mutiara's Delight merupakan sebuah restoran yang menyediakan makanan Melayu, Cina, steaks dan makanan laut. Mutiara's delight dijangkakan memulakan operasi pada 1 January 2003. Lokasi restoran kami terletak di No. 2230 dan 2231 Jalan Burma, pulau Pinang.

Modal

Modal permulaan yang diperluka adalah sebanyak RM 1,500,000. Modal ini diperolehi daripada sumbangan ahli sendiri iaitu sebanyak RM 700,000 dan selebihnya sebanyak RM 800,000 merupakan pinjaman dari pihak Bank Bumiputra Berhad (BBMB).

Aspek Pemasaran

Mutiara's Delight meramalkan bahawa pemasarannya akan menguasai sebanyak 9 % daripada jumlah syer pasaran. Harga yang ditawarkan kepada pelanggan adalah berpatutan dan bersesuaian dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Aspek Pengeluaran

Mutiara's Delight menganggarkan restoran ini dapat menyediakan makanan untuk 200 orang dalam sesuatu masa dan pekerja yang diperlukan untuk penyediaan makanan ini adalah seramai 20 orang. Anggaran pelanggan Mutiara's Delight dalam sehari adalah seramai 300 orang. Selain itu, aspek pengeluaran Mutiara's Delight bergantung kepada cuti-cuti umum sepanjang tahun.

Aspek Pengurusan

Pengurusan yang cekap dan adil merupakan aspek utama di dalam menjayakan sesebuah perniagaan. Tanpa pengurusan yang baik, perjalanan syarikat dan sistem komunikasi diantara pihak atasan dan pekerja-pekerjanya tidaka akan dapat berjalan dengan lancar. Apabila ini terjadi, ia akan menjejaskan nama baik restoran dimata khalayak ramai dan secara tidak langsung akan hilanglah keyakinan pelanggan terhadap Mutiara's Delight. Maka, adalah menjadi tugas anggota syarikat memastikan bahawa setiap pekerja mendapat layanan yang baik dan insentif-insentif seperti cuti sakit, cuti tahunan, KWSP dan lain-lain disediakan agar tidak berlaku sebarang masalah ketidakpuasan hati.

Aspek Kewangan

Mutiara's Delight begitu mementingkan aspek kewangan memandangkan ianya merupakan kunci ke atas kejayaan sesebuah syarikat. Pengurusan kewangan yang cekap dapat mengelakkan sebarang masalah seperti pecah amanah, kecurian, pembaziran, jenayah kolar putih dan sebagainya. Selain daripada itu, ia dapat memastikan kedudukan kewangan syarikat setiap tahun dan sejauh manakah aliran keluar masuk wang tunai dikendalikan. Jika terdapat sebarang masalah, syarikat boleh bertindak secepat mungkin agar ia tidak akan menjejaskan pengeluaran dan pemasaran produk yang di hasilkan oleh syarikat.